

Bahagian A

[40 markah]

Jawab semua soalan.

Soalan 1 hingga Soalan 20

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Hitamkan jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan.

1 Antara yang berikut yang manakah **bukan** contoh dosa besar?

- A Mengumpat
- B Minum arak
- C Melakukan zina
- D Melihat aurat ajnabi

- Menunjuk-nunjuk kehebatan diri
 - Mengagumi diri sendiri
 - Membangga diri

2 Perkara di atas merujuk kepada contoh _____.

- A khurafat
- B syirik jali
- C syirik khafi
- D kufur hakikat

3 Hukuman bagi penzina ghairu muhsan ialah _____.

- A dipotong tangan
- B 80 kali sebatan
- C 100 kali sebatan
- D rejam sampai mati

- Mengharuskan penzinaan melalui konsep nikah batin
 - Menolak kewujudan hari kiamat, syurga dan neraka
 - Solat secara niat tanpa rukun qauli dan fi'li

4 Pernyataan di atas merujuk kepada ciri-ciri kesesatan ajaran _____.

- A Syiah
- B Taslim
- C Baha'i
- D Qadiani

- Abu Hasan al-Asya'ari
- Abu Mansur al-Maturidi

- 5 Nama-nama di atas mempunyai kaitan dengan ajaran _____.
- A Ahli Sunah Waljamaah
 - B Syiah Imamiyah
 - C Khawarij
 - D Qadiani
- 6 Tempoh idah seorang isteri hamil yang kematian suami ialah _____.
- A tiga bulan
 - B tiga kali suci
 - C hingga melahirkan anak
 - D empat bulan sepuluh hari
- 7 Pilih pernyataan yang benar mengenai khuluk.
- A Hukumnya sunat
 - B Tuntutan suami terhadap isteri
 - C Lafaz yang dikaitkan dengan bayaran
 - D Termasuk dalam kategori talak bai'n kubra
- 8 Pengertian _____ merujuk kepada rang undang-undang yang diluluskan oleh dewan undangan negeri.
- A Akta
 - B Ordinan
 - C Enakmen
 - D Perlembagaan
- 9 Anak angkat boleh menerima hibah, hadiah dan wasiat tidak melebihi _____ daripada harta keluarga angkat.
- A $\frac{1}{2}$
 - B $\frac{1}{3}$
 - C $\frac{1}{4}$
 - D $\frac{1}{5}$


10 Waktu yang afdal untuk melontar di Jamratul Aqabah ialah pada waktu _____.

- A pagi 9 Zulhijjah
- B pagi 10 Zulhijjah
- C malam 9 Zulhijjah
- D malam 10 Zulhijjah

11 Pilih pernyataan yang benar tentang persamaan pelaksanaan ibadat korban dan akikah.

- I Jenis binatang.
- II Umur binatang.
- III Waktu pelaksanaan.
- IV Cara pembahagian daging.

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV



12 X dalam rajah di atas ialah

- A Berinovatif
- B Menepati masa
- C Suka merantau
- D Petah berpidato

13 Semua yang berikut adalah mengenai kerajaan bani Umayyah kecuali

- A corak gerakan tentera ditiru daripada tentera Parsi.
- B kerajaan Islam selepas kerajaan Khulafa al-Rasyidin.
- C Muawiyah bin Abi Sufian merupakan khalifah pertama.
- D pelantikan panglima tentera tiada keutamaan pada sesuatu bangsa.


14 Antara polisi Saidina Ali bin Abi Talib ialah meneruskan _____ walaupun ditentang oleh golongan Khawarij.

- A Majlis Syura
- B Majlis Tahkim
- C Majlis al-Taqrir
- D Majlis al-Muqabalah

15 Ahli al-Hadis menggelarkan Imam al-Bukhari rahimahullah sebagai _____.

- A Amirul Mukminin
- B Bapa Usul Fiqh
- C Hujjatul Islam
- D Al-Falaki

16



Y dalam rajah di atas ialah

- A Perindustrian
- B Perniagaan
- C Perkapalan
- D Pelaburan

17 Antara sumbangan khalifah Abu Jaafar al-Mansur di zaman kerajaan bani Abbasiyah ialah _____.

- A membina banyak prasarana
- B menghapuskan pemberontakan
- C mengasaskan kerajaan bani Abbasiyah
- D menjadikan Baghdad sebagai ibu kota

18 Berikut merupakan punca berlakunya pencemaran tanah **kecuali**

- A pembuangan bahan-bahan toksid.
- B pembuangan sampah tidak terkawal.
- C penggunaan racun serangga yang berlebihan.
- D penanaman pokok-pokok di kawasan yang terbiar.

19 Hukum melaksanakan *amar ma'ruf dan nahi mungkar* adalah _____.

- A harus
- B sunat
- C wajib
- D makruh

20 Menenangkan fikiran merupakan faedah rekreasi dari aspek _____.

- A biologi
- B psikologi
- C sosiologi
- D fisiologi

Soalan 21 hingga Soalan 26

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

- 21 Pengertian _____ ialah mengambil hak orang lain secara kekerasan yang disimpan di tempat simpanan tanpa izin.

- Al-Nasi'ah
- Al-Fadhl

- 22 Pernyataan di atas merujuk kepada jenis _____.
- 23 Syiah Imamiyah menolak semua hadis yang bukan diriwayatkan oleh _____.
- 24 Ajaran Baha'i beriktikad bahawa kitab _____ memansuhkan semua kitab samawi.

Pegangan Khawarij

Beriktikad bahawa pelaku dosa besar adalah _____ **M** _____

Mengkafirkan dan menghalalkan darah semua umat Islam yang berbeza iktikad dengan mereka

Membataskan sumber syariat hanya kepada _____ **N** _____ sahaja

- 25 **M** dalam rajah di atas ialah _____.
- 26 **N** dalam rajah di atas ialah _____.

Soalan 27 hingga Soalan 29


Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang betul yang disediakan dalam jadual dibawah.

Tawaf Qudum	Tawaf Ifadhah	Tawaf Wada'	Tawaf Sunat
-------------	---------------	-------------	-------------

- 27 Wajib dilakukan oleh orang yang hendak meninggalkan Kota Mekah. _____
- 28 Wajib ditunaikan oleh mereka yang menunaikan ibadat haji. _____
- 29 Sunat dilakukan bagi mereka yang baru sampai ke Mekah. _____

Soalan 30 hingga Soalan 35

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.



- 30 O dalam rajah di atas ialah _____.
- 31 P dalam rajah di atas ialah _____.
- 32 Antara ketekunan ilmu Ibnu Sina ialah pernah membaca buku berkenaan _____ karangan Aristotle sebanyak 40 kali.
- 33 Selain digelar *Hujjatul Islam* Imam al-Ghazali rahimahullah juga digelar sebagai _____.
- Yuhana bin Masawaih
 - Hunain bin Ishak
- 34 Tokoh di atas telah terlibat secara langsung dalam aktiviti _____ pada zaman kerajaan bani Abbasiyah.
- 35 Ahli sejarawan menganggap _____ sebagai khalifah al-Rasyidin yang kelima disebabkan sifat dan sikap pemerintahannya.
- 36 Hukum bermusafir bagi seorang muslim yang ingin menunaikan ibadat haji dan umrah di Mekah adalah _____.

Soalan 37 hingga Soalan 40

Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang disediakan dalam jadual di bawah.

Talak	Rujuk	Li'an	Zihar	Nusyuz
-------	-------	-------	-------	--------

- 37 Keenggangan isteri menunaikan kewajipan terhadap suami tanpa alasan yang munasabah mengikut syarak ialah pengertian _____.
- 38 Suami yang melakukan _____ terhadap isteri diwajibkan membayar kifarah untuk menghalalkan persetubuhan.
- 39 Perkara halal yang paling dibenci oleh Allah SWT ialah _____.
- 40 Kesan perbuatan _____ ialah suami tidak boleh berkahwin semula dengan isteri selamanya.

